

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## KPDNHEP KAJI KENAIKAN HARGA TELUR AYAM DI PASARAN

**PUTRAJAYA, 10 DISEMBER 2018** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah memulakan tindakan mengesan punca perubahan harga telur ayam semasa ini.

Trend perubahan purata harga telur ayam sejak pertengahan bulan November 2018 sehingga awal Disember 2018 didapati **mengalami kenaikan secara konsisten pada setiap minggu** di pasaran runcit. Perubahan harga ini telah dikesan melalui pungutan harga oleh para Pegawai Pemantau Harga Kementerian.

KPDNHEP melalui Bahagian Penguatkuasa telah memulakan operasi di seluruh negara mulai **7 Disember 2018** (Jumaat) lalu dengan membuat pemeriksaan di **Peringkat Pengeluaran (ladang), Pengedaran dan Pemborongan**. Ini adalah bertujuan untuk mengesan punca di mana dan kenapa peningkatan harga ini berlaku.

Arahan untuk membuat pemeriksaan di seluruh negara telah dikeluarkan kepada penguatkuasa-penguatkuasa KPDNHEP di seluruh negara untuk mengumpulkan maklumat dengan mengeluarkan **Notis Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** kepada peniaga-peniaga di setiap peringkat tersebut.

Jika didapati peniaga sengaja menaikkan harga telur bagi tujuan mengambil keuntungan yang tidak munasabah, pihak Kementerian tidak teragak-agak mengambil tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011**.

KPDNHEP turut mengarahkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), agensi di bawah Kementerian ini untuk meneliti sekiranya perubahan harga telur ini berlaku disebabkan oleh perlakuan kartel seperti **penetapan harga secara berpakat**,

**pembahagian kawasan persaingan dan menghadkan pengeluaran bersama-sama** antara pengeluar-pengeluar dan pemborong-pemborong telur dan mengambil tindakan yang tegas di bawah **Akta Persaingan 2010**.

Dalam usaha yang sama, KPDNHEP telah mengadakan perbincangan bersama dengan **MyCC dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk memastikan tindakantindakan efektif** bagi menangani kenaikan harga telur, termasuk faktor-faktor seperti cuaca panas dan penyakit yang dikatakan sebagai punca kenaikan harga telur berlaku.

KPDNHEP juga sedang **meneroka cadangan** kepada Kerajaan untuk **menghadkan atau menghentikan pengeksportan telur ke luar negara** bagi memastikan bekalan di pasaran domestik mencukupi.

Ini memandangkan eksport telur ke luar negara yang meningkat dan menyebabkan kekurangan bekalan dalam negara, seterusnya menjadi menyumbang kepada peningkatan harga.

Kementerian dalam memastikan kepentingan pengguna terlindung akan memastikan **segala usaha ditumpukan** untuk mengenakan tindakan tegas dan efektif dalam mengatasi isu kenaikan harga telur ayam.

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**PUTRAJAYA**

**10 Disember 2018**